

27/09/2001

BNM siasat jika diarah

GEORGETOWN, Rabu - Bank Negara Malaysia (BNM) ditugaskan menyiasat sama ada harta jutawan Arab dalam buangan, Osama bin Laden, ada disimpan di bank tempatan.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Salleh, berkata BNM hanya akan menyiasat jika mendapat arahan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tetapi sehingga kini, belum ada maklumat yang diterima mengenai kemungkinan Osama memiliki harta di negara ini," katanya selepas merasmikan Persidangan Percukaian Zon Utara 2001 di Hotel City Bayview di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan Osama yang disyaki terbabit dalam serangan terhadap Amerika Syarikat pada 11 September lalu itu mempunyai simpanan wang di negara ini dengan menggunakan nama samaran.

Semalam, Dr Mahathir memaklumkan akan menyiasat jika ada sebarang maklumat berhubung dakwaan Osama yang disyaki Amerika mendalangi serangan di New York dan Washington itu mempunyai aset di negara ini.

(END)